

01 JAN 2003

Mahathir-Kuasa (Bergambar)

MAHATHIR YAKIN PEMINDAHAN KUASA LANCAR OKTOBER INI

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin bahawa pemindahan kuasa akan berlaku dengan aman, lancar dan teratur apabila beliau bersara pada Oktober tahun ini.

Beliau berkata ramalan pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa akan berlaku perebutan kuasa dalam Umno dan Barisan Nasional (BN) apabila beliau bersara Oktober ini hanyalah angan-angan kosong.

`Ramalan' Abdul Hadi itu hanyalah angan-angan kosong kerana ianya tidak akan berlaku, katanya pada persidangan media selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru 2003 anjuran Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), sebuah anggota komponen BN, di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Abdul Hadi yang kebelakangan ini sering meramalkan bahawa akan berlaku perebutan kuasa dalam Umno dan BN apabila beliau bersara kelak.

Perdana Menteri menegaskan bahawa penggantinya sudahpun diketahui iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Umno mahupun BN tidak rela perebutan kuasa berlaku dan sebarang cubaan untuk berbuat demikian akan ditewaskan.

Beliau juga memberi jaminan bahawa isu siapa pengganti Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri akan ditangani dengan baik tanpa berlaku perebutan.

"Yang itupun akan kita selesai secara baik. Zaman saya pun macam itu, zaman Datuk (Tun) Hussein (Onn) pun macam itu. Kita boleh kendalikan perkara seumpama ini."

Dr Mahathir turut diminta mengulas perutusan tahun barunya semalam mengenai amarannya kepada negara asing agar jangan cuba mencabuli kedaulatan negara ini.

Beliau berkata ada sebuah negara yang sudah menyatakan bahawa ia akan menjadikan Malaysia sebagai medan perang dengan melakukan langkah pencegahan atau mempertahankan diri dari awal untuk memastikan peperangan itu tidak sampai ke negaranya.

"Mereka akan menerima padahnya, itu yang saya katakan, You cuba, you kenalah," katanya.

Ditanya sama ada negara yang dimaksudkan ialah Singapura, Dr Mahathir berkata terpulanglah kepada media untuk mentafsirkannya namun menegaskan bahawa beliau tidakpun mengatakan ia adalah republik itu.

-- BERNAMA

MFZ AZZ RON